

Journal of Islamic Educational Research (JIER)
e-ISSN: 0128-2069

PEMBELAJARAN DAN PENILAIAN MENGGUNAKAN E-PORTFOLIO: KAJIAN TERHADAP PENERIMAAN PELAJAR FIQH AL-JINAYAT DAN FIQH AL-MUAMALAT

LEARNING AND ASSESSMENT USING E-PORTFOLIO: A STUDY ON STUDENTS ACCEPTANCE IN THE COURSES OF FIQH AL-JINAYAT AND FIQH AL-MUAMALAT

Shahidra Abdul Khalil* & Nor Fahimah Mohd Razif**

Article Information	ABSTRACT
Received: 08.11.2021	Pandemik Covid-19 telah memaksa dunia pendidikan berlangsung secara maya atau dalam talian sepenuhnya. Ini menuntut kepada penyesuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran kepada kaedah yang bersesuaian dan berkesan. Artikel ini bertujuan membincangkan tentang e-portfolio sebagai satu kaedah pembelajaran dan penilaian berpusatkan pelajar. Aplikasinya dibincangkan berdasarkan pengalaman penulis dalam mengendalikan pengajaran bagi subjek Fiqh al-Jinayat dan Fiqh al-Muamalat di peringkat Sarjana Muda di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Artikel ini juga bertujuan menganalisis penerimaan pelajar yang mengikuti kedua-dua kursus ini terhadap tugas e-portfolio. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan data diperolehi melalui refleksi dan maklum balas bertulis pelajar dalam e-portfolio mereka. Data dianalisis secara tematik dan pengesahan dapatan seterusnya dibuat menggunakan kaedah triangulasi kaedah, masa dan sumber. Hasil kajian mendapati bahawa penerimaan pelajar terhadap tugas e-portfolio sebagai kaedah pembelajaran kendiri dan kaedah penilaian berpusatkan pelajar adalah positif. Dapatkan ini selari dengan teori dan dapatan literatur-literatur terdahulu. Justeru, tugas e-portfolio wajar diperluaskan di institusi pengajian tinggi dengan penyesuaian sewajarnya berdasarkan matlamat dan keperluan subjek-subjek yang ditawarkan. Pelaksanaannya sesuai bukan sahaja dalam mod pembelajaran secara maya, bahkan dalam mod pembelajaran teradun dan juga hibrid.
Accepted: 16.07.2022	

Keywords: E-portfolio, pembelajaran secara maya, pembelajaran berpusatkan pelajar, penilaian, fiqh.

The Covid-19 pandemic has forced the world of education to take place virtually or entirely online. This situation demands the adaptation of teaching and learning activities to appropriate and effective methods. This article aims to discuss e-portfolio as a method of student-centered learning and assessment. Its application is discussed based on the authors' experience in teaching Fiqh al-Jinayat and Fiqh al-Muamalat, both subjects offered at the Bachelor level at the Academy of Islamic Studies, University of Malaya. The study also aims to analyze the acceptance of students of both courses towards e-portfolio assignments. This study employs qualitative approach and data were obtained from students' reported reflections and feedbacks in their e-portfolios. Data were analyzed thematically, and subsequent validation of findings was made using the method, time, and person triangulation. This study finds that students' acceptance of e-portfolio assignments as a self-learning method and student-centered assessment method was positive. These findings are in line with the theory and result of previous literature. Thus, it is imperative to expand e-portfolio assignments in higher learning institutions with appropriate adjustments based on the goals and needs of the subjects offered. Its implementation is suitable not only in virtual learning mode but also in blended and hybrid learning mode.

Keywords: E-portfolio, online learning, student-centered learning, assesment, fiqh.

Citation Information: Abdul Khalil, S., & Mohd Razif, N. F. (2022). Pembelajaran dan penilaian menggunakan e-portfolio: Kajian terhadap penerimaan pelajar fiqh al-jinayat dan fiqh al-muamalat. *Journal of Islamic Educational Research*, 8, 13-24.

PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah memberikan kesan kepada segenap aspek kehidupan manusia termasuklah dalam aspek pendidikan. Dalam konteks mod pengajaran dan pembelajaran, kemudahan teknologi telah membawa inovasi daripada pembelajaran secara bersemuka (*face-to-face*) kepada pendekatan lain yang menggunakan teknologi

* Senior Lecturer at Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: shahidra@um.edu.my. ORCID: 0000-0002-0140-7211.

** Senior Lecturer at Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: norfahimah@um.edu.my. ORCID: 0000-0002-2591-6088.

internet. Antara pendekatan yang telah dilaksanakan secara meluas di institusi pengajian tinggi adalah pembelajaran teradun (*blended learning*) dan pembelajaran secara maya (*e-learning/online learning*). Dalam perkembangan semasa, semakin banyak institusi pengajian yang merancang pelaksanaan pembelajaran secara hibrid (*hybrid learning*) yang dijangka akan menjadi pendekatan pembelajaran masa hadapan (Emma, 2021).

Pembelajaran secara maya adalah pendekatan yang berlawanan dengan mod pembelajaran konvensional yang berlangsung secara bersemuka di kelas atau institusi pengajian sepenuhnya. Ini kerana semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan mod pembelajaran secara maya adalah berlangsung secara dalam talian sepenuhnya. Pembelajaran teradun pula merupakan gabungan antara kaedah konvensional secara bersemuka dengan pembelajaran secara maya (Shahfiezul & Khalid, 2016; Aliza & Rosseni, 2020). Sebahagian penulis menyamakan istilah pembelajaran teradun dengan pembelajaran hibrid (Alex et.al, 2016; Linda & Ludwika, 2021). Namun sebahagian yang lain membezakan kedua-dua istilah mod pembelajaran ini. Emma (2021) contohnya, mendefinisikan pembelajaran hibrid sebagai pendekatan yang menggabungkan pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian dan dalam masa yang sama, sebahagian pelajar mengikuti pengajaran dan pembelajaran tersebut secara dalam talian. Ini berbeza dengan pembelajaran teradun yang menggabungkan bahan dan medium pengajaran secara tradisional seperti menggunakan buku dan bahan-bahan di dalam talian seperti rakaman video dan sebagainya pada waktunya yang berbeza (Emma, 2021).

Di Malaysia, integrasi penggunaan teknologi melalui pembelajaran secara teradun di peringkat institusi pengajian tinggi telah bermula sejak 2011 (Sashi, 2018). Peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat institusi pengajian tinggi adalah bagi melahirkan modal insan minda kelas pertama yang mampu menggunakan pengetahuan secara proaktif, kreatif, inovatif dan berkemahiran bagi menangani persekitaran global yang berubah-ubah (Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara, 2007). Peralihan kepada pembelajaran secara maya di dalam talian sepenuhnya berlaku ketika pandemik Covid-19 melanda dunia. Semua institusi pendidikan di dunia terpaksa ditutup dalam tempoh tertentu mengikut ketetapan kerajaan bagi mengelakkan penularan virus dan menyelamatkan nyawa. Peralihan pendekatan secara drastik ini menuntut kepada penyesuaian aktiviti pengajaran agar pembelajaran pelajar tidak terjejas. Penyesuaian kaedah penilaian berdasarkan keadaan pelajar juga adalah penting agar prestasi pelajar dapat diukur sebaiknya.

Berdasarkan literatur terdahulu, antara cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran secara maya adalah kebolehcapaian pelajar terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam talian. Ini bergantung kepada akses pelajar terhadap internet pada masa aktiviti tersebut dilaksanakan (Mark, 2021; Natasya & Suhaila, 2020). Selain itu, mengekalkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam setiap aktiviti sepanjang semester juga merupakan satu cabaran yang menuntut kreativiti pensyarah dalam mengendalikan aktiviti pengajaran (Mark, 2021). Selain penyesuaian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk segerak (*synchronous*) atau tidak segerak (*asynchronous*), perancangan aktiviti pembelajaran yang melibatkan penglibatan pelajar secara aktif adalah penting (Linda & Ludwika, 2021). Walaupun Covid-19 memberikan cabaran terhadap sektor pendidikan, ia membuka ruang kepada para pensyarah dan pelajar untuk meneroka pelbagai platform pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi secara optimum.

Dalam hal ini, salah satu aktiviti pembelajaran yang semakin mendapat perhatian adalah penyediaan e-portfolio. Ini kerana aktiviti ini bertepatan dengan ciri-ciri pembelajaran abad ke-21 iaitu heutagogi yang menekankan kepada konsep pembelajaran kendiri, peeragogi yang menggalakkan pembelajaran kolaboratif dan cybergogi yang menekankan penggunaan teknologi. E-portfolio juga sesuai digunakan sebagai satu kaedah penilaian yang menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) (Alizah & Zamri, 2019). Ini berbeza dengan kaedah biasa apabila penilaian dilakukan oleh pengajar sepenuhnya. Walau bagaimanapun, berdasarkan literatur terdahulu didapati bahawa perbincangan mengenai pelaksanaan aktiviti e-portfolio bagi subjek pengajian Islam di Malaysia masih lagi kurang. Justeru, artikel ini bertujuan membincangkan konsep e-portfolio sebagai satu kaedah pembelajaran dan penilaian berpusatkan pelajar dengan memberikan contoh pelaksanaannya bagi subjek Fiqh al-Jinayah dan Fiqh al-Muamalah di peringkat Sarjana Muda di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Seterusnya, penerimaan pelajar yang mengikuti kedua-dua kursus ini terhadap aktiviti melibatkan e-portfolio dibincangkan. Penerimaan pelajar dianalisis berdasarkan maklum balas dan refleksi yang diberikan oleh mereka di dalam e-portfolio masing-masing.

KONSEP E-PORTFOLIO SEBAGAI KAEADAH PEMBELAJARAN DAN PENILAIAN BERPUSATKAN PELAJAR

Definisi portfolio menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka adalah medium mudah alih untuk membawa kertas, dokumen, lukisan dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat). Dalam dunia pendidikan, portfolio digunakan bagi mengumpulkan pelbagai artifik, maklumat, bukti hasil kerja dan pencapaian pembelajaran mahupun pengajaran di dalam sebuah fail atau dikompilasikan sebagai bahan bercetak (S.R.H. Abd-Wahab, 2016). Dengan perkembangan teknologi, pengumpulan dan penyimpanan maklumat dan dokumen ini boleh dilakukan secara digital dan disimpan di dalam talian. Portfolio ini dirujuk sebagai e-portfolio atau turut dikenali sebagai portfolio digital, portfolio elektronik, efolio atau webfolio (Hallam et.al, 2010; Peter & Michaela, 2018). E-portfolio mempunyai fungsi yang sama dengan portfolio kertas, namun mempunyai kelebihan kerana berbentuk digital, bersifat interaktif, mudah diurus secara sistematis dan menarik kerana boleh memuatkan bahan

grafik dan multimedia. Di samping itu, e-portfolio boleh diakses oleh ramai orang, pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja menggunakan teknologi internet (Bekri et.al, 2018). Bagi tujuan pembelajaran, e-portfolio sesuai digunakan dalam konteks pembelajaran secara teradun, pembelajaran secara maya dan juga pembelajaran secara hibrid.

Secara asasnya terdapat pelbagai kategori portfolio yang dikemukakan oleh pengkaji terdahulu. Ketagorinya berbeza berdasarkan tujuan penyediaan. Menurut Greenberg (2004), e-portfolio terbahagi kepada tiga iaitu e-portfolio pameran, e-portfolio berstruktur dan e-portfolio pembelajaran. E-portfolio pameran bertujuan menunjukkan hasil kerja, berkongsi pengalaman, resume dan juga refleksi terhadap sesuatu pengalaman. E-portfolio berstruktur pula dibangunkan oleh sesebuah institusi bagi tujuan memantau perkembangan kemahiran pelajar berdasarkan matrik pembelajaran yang telah ditetapkan dan seterusnya bagi tujuan penilaian. E-portfolio pembelajaran pula membolehkan pengajar dan pelajar berinteraksi, berbincang dan melakukan refleksi bagi memahami proses dan kandungan pelajaran (Bekri et.al, 2018).

Dalam konteks perbincangan ini, kategori yang menjadi fokus adalah e-portfolio pembelajaran. Penyediaan e-portfolio ini boleh ditugaskan kepada setiap pelajar bergantung kepada hasil pembelajaran subjek yang ingin dicapai. Antara kandungan yang boleh dikumpulkan dalam e-portfolio pembelajaran adalah bukti penyertaan pelajar dalam aktiviti yang berlangsung, pemusatan semua hasil kerja pelajar dan refleksi mereka terhadap proses pembelajaran. Selain itu, maklumat asas pelajar dan perancangan pembangunan peribadi mereka juga boleh dimuatkan (Bekri et.al, 2018). Selain itu, apa-apa kandungan yang bersesuaian bagi memantau dan menilai perkembangan pembelajaran pelajar juga boleh dimuatkan kerana penyediaan e-portfolio adalah fleksibel dan bersifat kreatif (Frank & Hamid, 2020). Bagi subjek Fiqh al-Jinayat dan Fiqh al-Muamalat, penyediaan e-portfolio yang memusatkan pelbagai tugas pelajar adalah sebagai satu medium bagi menilai pencapaian hasil pembelajaran berikut:

Jadual 1: Hasil Pembelajaran Fiqh al-Jinayat dan Fiqh al-Muamalat yang Dinilai Menggunakan Tugasan di E-Portfolio

Subjek	Hasil Pembelajaran Kursus (Course Learning Outcome - CLO)	Tugasan yang dimuatkan dalam E-Portfolio
Fiqh al-Jinayat	CLO 1: Menerangkan secara terperinci konsep dan prinsip-prinsip asas jenayah dalam Islam	Refleksi Topik Pembelajaran
	CLO 3: Menjawab persoalan berkaitan jenayah semasa berasaskan pendekatan hukum jenayah Islam	Kajian Kes
Fiqh al-Muamalat	CLO 2: Menghuraikan secara terperinci jenis-jenis harta dan hak milik dalam Islam	Refleksi Topik Pembelajaran
	CLO 3: Mengenal pasti unsur-unsur asasi dalam sesuatu akad.	Peta minda
	CLO 4: Menyelesaikan masalah muamalat berasaskan teori harta, hak milik dan akad.	Kajian Kes

Penyediaan e-portfolio merupakan antara strategi pembelajaran aktif dalam pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP). Pendekatan PBP bertujuan melibatkan pelajar secara aktif dalam proses mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Ini berbeza berbanding pendekatan pembelajaran berpusatkan pengajar dalam amalan terdahulu yang meminimumkan peranan pelajar sebagai pendengar pasif. Melalui pendekatan PBP, pelajar perlu bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri melalui kesedaran mengenai kandungan pelajaran dan tujuan pembelajaran tersebut (Alizah & Zamri, 2019). Kesan positif daripada pendekatan PBP melalui tugas e-portfolio terhadap pelajar telah dilaporkan dalam banyak kajian. Antaranya adalah menggalakkan pelajar melakukan pembelajaran kendiri dan pembelajaran sepanjang hayat. Selain itu, pelajar juga dapat menguasai kemahiran digital (Campbell & Tran, 2021; Segaran & Hasim, 2021; Frank & Hamid, 2020).

Pembelajaran kendiri atau *self-regulated learning/self-directed learning* adalah proses pembelajaran yang digerakkan oleh inisiatif pelajar sama ada dengan bantuan orang lain atau tanpa bantuan bagi mengenal pasti keperluan pembelajaran mereka, merumuskan tujuan pembelajaran, mengenal pasti sumber-sumber dalam pembelajaran, memilih dan melaksanakan strategi pembelajaran yang bersesuaian dan menilai hasil pembelajaran (Van Wyk, 2017). Dalam penyediaan e-portfolio, pembelajaran kendiri berlangsung terutamanya melalui aktiviti refleksi. Melalui refleksi pembelajaran, pelajar dilatih menganalisa pengalaman dan pengetahuan baru yang diperolehi mereka secara tersurat dan tersirat serta hubung kaitnya dengan konsep yang dipelajari serta aplikasinya dalam isu-isu yang lebih besar. Selain itu, pelajar juga dapat menilai pencapaian pembelajaran dan kemahiran mereka secara berterusan melalui aktiviti refleksi yang dimuatkan di dalam e-portfolio (Chang, 2019). Dengan kesedaran itu,

penambahbaikan dapat dilakukan oleh pelajar. Ini seterusnya dapat menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat (Segaran & Hasim, 2021).

Proses pembelajaran melalui e-portfolio tidak terhad semasa proses penyediaannya sahaja. Pelajar juga dapat dilibatkan secara aktif dalam proses penilaian iaitu melalui penilaian kendiri (*self-assessment*) dan penilaian rakan sebaya (*peer-assessment*). Dalam hal ini, penilaian bukan lagi bergantung kepada pensyarah sepenuhnya seperti dalam pendekatan pembelajaran berpusatkan pengajar. Sebaliknya, pelajar diberikan tanggungjawab menilai hasil kerja, proses pembelajaran dan pencapaian diri atau rakan dalam bentuk komenar dan maklum balas mahupun pemberian markah berdasarkan kriteria yang dipersetujui lebih awal (Thomas et.al, 2011). Proses ini dapat dilakukan dengan mudah kerana e-portfolio boleh diakses di mana-mana sahaja oleh pihak penilai. Melalui proses penilaian yang dilakukan, para pelajar dapat belajar secara perbandingan daripada hasil kerja dan refleksi rakan yang dinilai (Chang, 2019).

Walaupun terdapat pihak yang mempersoalkan kesahan pemberian markah secara kendiri dan rakan sebaya, kelebihan penilaian ini turut dilaporkan dalam kajian terdahulu. Antaranya adalah dapat memberikan kesedaran kepada pelajar mengenai kriteria yang perlu dicapai oleh mereka dalam pelaksanaan sesuatu tugas. Bimbingan lanjut daripada pensyarah mengenai proses penilaian pula, dapat menjelaskan lagi keperluan dan cara penilaian dilakukan. Ini dapat menjadikan pelajar seorang penilai yang realistik bukan sahaja terhadap pencapaian rakan, tetapi pencapaian diri sendiri (Secil, 2019). Dengan ini, pelajar boleh memantau sendiri perkembangan pembelajaran dan berusaha untuk mencapai hasil yang terbaik (Segaran & Hasim, 2021). Bagi mengelakkan isu kebolehpercayaan dan ketepatan penilaian, strategi seperti penyediaan skema pemarkahan berstruktur melalui rubrik boleh digunakan (Secil, 2019; Kim, 2019).


Selain itu, penyediaan e-portfolio dan pendekatan PBP juga dilaporkan dapat meningkatkan motivasi dalam proses pembelajaran. Berdasarkan dapatan kajian terdahulu, Linda dan Ludwika (2021) merumuskan tiga strategi yang dapat meningkatkan motivasi pelajar dan mengekalkan penglibatan mereka terutamanya dalam pembelajaran secara maya yang mencabar. Ketiga-tiga strategi ini didapati wujud dalam aktiviti penyediaan e-portfolio. Pertama, aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu membina hubung kait kandungan subjek yang dipelajari dengan kehidupan mereka. Dalam aspek pengajaran, pensyarah boleh memberikan contoh, kisah dan perbandingan yang telah diketahui atau dekat dengan perhatian pelajar. Dalam penyediaan e-portfolio pula, tugas refleksi dapat melatih pelajar menghubungkan konsep yang dipelajari dan pengalaman peribadi dengan isu yang lebih besar.

Kedua, motivasi pelajar dapat dikekalkan dengan penetapan matlamat yang bermakna. Dalam tugas e-portfolio, arahan serta panduan yang jelas dan sistematik membolehkan pelajar menetapkan matlamat dan sasaran yang ingin dicapai. Matlamat yang jelas dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk mencapainya. Ketiga, menyesuaikan tugas, susunan dan medium pelaksanaan mengikut kecenderungan pelajar. Dalam penyediaan e-portfolio, pelajar diberi kebebasan untuk mempersemprehankan hasil tugas mengikut pilihan masing-masing sama ada dalam bentuk tulisan semata-mata atau disertai dengan peta minda, infografik, bahan multimedia dan sebagainya. Kawalan pelajar terhadap bagaimana mereka menguruskan tugas dan pembelajaran ini juga dilaporkan dapat meningkatkan kesungguhan pelajar (Linda & Ludwika, 2021).

PELAKSANAAN E-PORTFOLIO BAGI SUBJEK FIQH AL-JINAYAT DAN FIQH AL-MUAMALAT DI AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA

Fiqh al-Jinayat (IIP2003) dan Fiqh al-Muamalat (IIP 2002) merupakan subjek teras bagi program Sarjana Muda Syariah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Hasil pembelajaran bagi kedua-dua subjek ini bukan sahaja mensasarkan agar pelajar dapat menjelaskan konsep dan teori asas dalam perundangan jenayah Islam dan Muamalat. Pelajar juga diharap dapat menyelesaikan persoalan semasa berkenaan jenayah dan juga masalah-masalah muamalat berdasarkan perspektif perundangan Islam yang dipelajari. Kaedah penilaian yang biasa dilaksanakan bagi mengukur pencapaian pelajar bagi subjek-subjek ini adalah ujian, pembentangan lisan dan juga kertas kerja yang dilaksanakan secara bersemuka mahupun di dalam talian. Penilaian-penilaian ini mewakili 40% manakala 60% lagi dinilai daripada peperiksaan akhir.

Ketika pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan di Malaysia, inovasi dilakukan dalam kaedah pembelajaran dan penilaian. Ini berikutan pembelajaran berlangsung secara dalam talian sepenuhnya dari kediaman pensyarah dan pelajar masing-masing. E-portfolio telah diperkenalkan sebagai tugas tidak segerak bermula pada semester 1, sesi 2020/2021 bagi kedua-dua subjek. Pengenalan dan pelaksanaan e-portfolio sebagai kaedah pembelajaran dan penilaian dilaksanakan seperti yang dirumuskan dalam carta alir berikut:



Rajah 1: Carta Alir Pelaksanaan Tugasan E-Portfolio bagi subjek Fiqh al-Jinayat dan Fiqh al-Muamalat di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya bagi sesi pengajaran 2020/2021

Pelaksanaan tugasan e-portfolio sebagai salah satu kaedah pembelajaran dan penilaian bagi subjek Fiqh al-Jinayat dan Fiqh al-Muamalat bermula dengan taklimat penyediaan di awal semester. Objektif tugasan e-portfolio, platform yang boleh digunakan, isi kandungan e-portfolio dan pautan-pautan mengenai konsep e-portfolio sebagai rujukan tambahan disampaikan. Langkah ini adalah penting supaya pelajar mendapat gambaran yang jelas mengenai tata cara penyediaan tugasan e-portfolio (Ang Chooi et. al, 2019). Rubrik pemarkahan juga dimaklumkan agar pelajar mengetahui kriteria penilaian bagi tugasan ini. Penyediaan e-portfolio berlangsung sepanjang semester melalui pengumpulan tugasan yang dilakukan oleh pelajar pada minggu-minggu yang ditetapkan. Sebelum penilaian dilakukan di akhir semester, pelajar dikehendaki menyatakan pautan e-portfolio masing-masing di borang yang disediakan. Akhirnya penilaian dilaksanakan oleh rakan sebaya dan pensyarah berdasarkan rubrik yang diberi. Semua proses ini berlangsung di dalam talian sepenuhnya. Rajah 2 merupakan tangkap layar tugasan-tugasan yang perlu disempurnakan mengikut minggu-minggu yang ditetapkan bagi subjek Fiqh al-Muamalat sebagai panduan kepada pelajar.

<p>TUGASAN 1: PETA MINDA/MIND MAPPING 1 (MINGGU 4) [10markah]</p> <p>رسم أنواع الملكية وأسلوباً بشكل شامل في خريطة ذهنية واحدة (Lakarkan jenis-jenis pemilikan dan sebab-sebab pemilikan secara komprehensif dalam satu peta minda)</p> <p>TUGASAN 2: REFLEKSI PEMBELAJARAN 1 (العلم الاجماعي / MINGGU 5) [4 markah]</p> <p>ما هي اكتشافات عامة حول المال؟ (What were your most interesting discoveries about property?)</p> <p>TUGASAN 3: PETA MINDA/MIND MAPPING 2 (MINGGU 6) [10 markah]</p> <p>رسم مناقشة الشفافة في خريطة ذهنية واحدة (Lakarkan perbincangan syuf'ah dalam satu peta minda)</p> <p>TUGASAN 4: REFLEKSI PEMBELAJARAN 2 (العلم الاجماعي / MINGGU 9) [4 markah]</p> <p>Bincangkan bagaimana perbincangan <i>abliyah</i> memberi nilai tambah kepada kefahaman kamu terhadap syarat-syarat pihak yang berkontrak</p> <p>TUGASAN 5: REFLEKSI PENGALAMAN PEMBELAJARAN (العلم الجرية الاجماعي / MINGGU 14) [4 markah]</p> <p>Now that it's over, what are your first thoughts about this overall subject? What do you want to learn more about, and why? Setelah tamat sesi pembelajaran subjek ini, apakah pandangan kamu terhadap subjek ini? Apakah yang kamu ingin belajar sebagai tambahan ilmu dan kenapa?</p> <p>*Perlu dijawab dalam Bahasa Arab</p>

Rajah 2: Tangkap Layar Tugasan E-Portfolio Pelajar bagi Subjek Fiqh al-Muamalat

Tugasan e-portfolio bagi kedua-dua subjek merupakan salah satu kaedah penilaian yang diperuntukkan dengan markah tertentu. Walau bagaimanapun, ia juga berfungsi sebagai kaedah pembelajaran kendiri buat para pelajar. Ini kerana kaedah pengajaran secara dalam talian perlu dipelbagaikan bagi meraikan keadaan pelajar yang berbeza-beza. Sebahagian pelajar menghadapi kesukaran bagi mengikuti kuliah di dalam talian secara segerak disebabkan kekangan akses internet. Justeru, kaedah lain seperti menonton rakaman video, membaca nota dan bahan rujukan serta membuat refleksi turut ditugaskan sebagai aktiviti pembelajaran tidak segerak. Ambrose (2010) menekankan bahawa pembelajaran bukan sesuatu yang dilakukan terhadap pelajar tetapi apakah yang dilakukan oleh pelajar. Ini selaras dengan teori konstruktivisme di mana pensyarah tidak memberi pengetahuan kepada pelajar, sebaliknya pengetahuan dibina oleh pelajar. Oleh itu dalam proses pembelajaran, fokus

diberikan kepada pelajar menerusi pengalaman dan memberikan peluang kepada pelajar memainkan peranan yang aktif dalam proses pembelajaran (Saemah & Zamri, 2018).

Bagi subjek Fiqh al-Jinayat dan Fiqh al-Muamalat, pelajar diminta mengumpul semua bukti penglibatan mereka dalam aktiviti yang diberikan di dalam e-portfolio. Selain refleksi pembelajaran bagi tajuk-tajuk tertentu, aktiviti pembelajaran yang dilampirkan di dalam e-portfolio adalah bergantung kepada keperluan dan hasil pembelajaran subjek. Aktiviti pembelajaran kendiri pelajar yang perlu dilampirkan dalam e-portfolio bagi kedua-dua subjek ini adalah seperti berikut:

Jadual 2: Aktiviti Pembelajaran Kendiri yang Dilampirkan dalam E-Portfolio Pelajar

Bil	Fiqh al-Jinayat	Fiqh al-Muamalat
1.	Maklumat diri pelajar	
2.	Refleksi topik pembelajaran	
3.	Penyelesaian kajian kes	
4.	Refleksi pengalaman pembelajaran dan maklum balas penambahbaikan	Peta minda

Dari aspek kandungan e-portfolio, tugasan berkoncepcian PBP yang diberikan penekanan adalah refleksi pembelajaran. Refleksi merupakan perlakuan memikirkan semula pengalaman belajar melalui penerokaan unsur-unsur yang ketara dan tersirat. Proses ini membuat andaian sebab musabab berdasarkan fakta. Refleksi banyak digunakan dalam pelbagai bentuk tugas seperti jurnal, portfolio, dan laporan (Helyer, 2015; Helyer & Kay, 2015) Melalui refleksi, pelajar dapat mengesan keberkesaan pelaksanaan setiap tugas yang dibuat sejajar dengan kefahaman yang diperolehi bagi topik-topik yang terlibat. Pelajar juga dapat menjadikan refleksi sebagai asas untuk menambah baik dan meningkatkan kualiti setiap tugas secara berterusan di samping memperkembangkan keupayaan celik akal bagi melahirkan kreativiti dan inovasi dalam setiap tugas yang dijalankan. Chang (2019) menjelaskan enam kelebihan refleksi yang mempengaruhi pembelajaran iaitu meningkatkan pengetahuan yang mendalam, mengenal pasti aspek yang kurang, memetakan pengetahuan dalam konteks yang sebenar, memberikan rujukan perbandingan dalam pembelajaran, membantu pelajar membina hubungan struktur dalam pengetahuan, dan merapatkan hubungan sosial dalam kalangan pelajar.

Bagi penulisan refleksi, pelajar diberikan panduan dan contoh antaranya seperti yang disusun dalam Graham Gibbs's *Reflective Cycle* (Sissel et.al, 2015). Selain itu, terdapat juga soalan refleksi yang diberikan seperti *exit ticket* di akhir pembelajaran topik tertentu. Pelajar bebas menulis refleksi secara kreatif dalam ruang lingkup panduan yang diberikan. Pengumpulan refleksi dan tugas lain di dalam e-portfolio juga dilaksanakan berdasarkan kreativiti pelajar. Namun, panduan asas diberikan mengenai penggunaan Padlet.com yang merupakan sebuah aplikasi web yang boleh digunakan secara percuma. Selain aplikasi ini, terdapat juga pelajar yang menyediakan e-portfolio mereka menggunakan Google Sites. Rajah berikut merupakan tangkap layar e-portfolio seorang pelajar yang memuatkan semua tugasan terkumpul bagi subjek Fiqh al-Jinayat dan Fiqh al-Muamalat di Padlet.com:

The screenshot shows a Padlet board with four main sections:

- Myself And My Potential:** A post with text about personal growth and potential, and a link to a learning skill document.
- Learning Reflection:** Posts reflecting on a lecture on 'KULIAH 182 Konsep Jenayah dalam Islam' dated Minggu 18/2. It includes notes on the concept of 'Perkataan sama' (same word) and 'Perbezaan diantara jenayah dan tarikh' (Difference between types of offenses and time).
- Learning Experience:** Posts reflecting on a learning experience where they realized their heart was full of love for others. It includes notes on 'Sebuah Pengalaman' (An Experience) and 'Kronologi Kes' (Case Study Analysis).
- Case Study Analysis:** Posts reflecting on a case study analysis of 'Kajian Kes Pembunuhan' (Murder Case Study), featuring a photo of a woman in a courtroom and news articles from 'Akhbar Berita Harian Agensi' (Agencies News) and 'Agenzia' (Agency) about the case.

Rajah 3: Tangkap Layar E-Portfolio Pelajar bagi Subjek Fiqh al-Jinayat

Improvements begin with "I"

Name: Safawati Salma Binti Lolong

Hi, hello there. I am Safa and currently struggling in second year of Bachelor of Islamic Political Science, Academy of Islamic Studies (Universiti Malaya). I hope you guys in a pink of health, stay safe and stay healthy. See you when everything going back to normal.

Safawati Salma ómo

The beautiful and polite Safa.

Learning Reflection and Experiences

Week 5

Mind-mapping

Case Study

Safawati Salma ómo

Case study

Rajah 4: Tangkap Layar E-Portfolio Pelajar bagi Subjek Fiqh al-Muamalat

Berdasarkan rajah-rajab di atas, dapat dibuktikan bahawa penyediaan e-portfolio bukan sahaja dapat melatih pelajar berfikir secara reflektif, malah memberikan ruang kepada pelajar menyerlahkan kreativiti. Penggunaan e-portfolio menggunakan Padlet.com ini juga memudahkan interaksi antara pensyarah dan pelajar kerana maklum balas boleh diberikan di ruangan komen di bawah setiap hantaran. Apabila pautan e-portfolio pelajar dikumpulkan secara berpusat bagi tujuan penilaian, pembelajaran masih boleh berlaku apabila pelajar dapat saling membaca refleksi pembelajaran rakan sekelas yang lain melalui e-portfolio masing-masing (Bekri et.al, 2018). Selain itu, pensyarah juga boleh menerima maklum balas bagi menambah baik kaedah pengajaran dan penilaian dari semasa ke semasa apabila pelajar turut memberikan refleksi mengenai proses pembelajaran dan pengalaman mereka.

Dalam konteks penilaian hasil pembelajaran dan pencapaian pelajar pula, e-portfolio memudahkan penilaian dilakukan. Ini kerana semua tugas bagi seorang pelajar dipusatkan di laman yang sama di dalam talian. Melalui senarai semak dan rubrik yang jelas, para pelajar dapat memahami kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi dalam mencapai markah yang diingini. Pemahaman terhadap kriteria pemarkahan membantu pelajar merangka dan menyusun setiap tugas sebagaimana yang diperlukan. Semakan kendiri boleh dilakukan oleh pelajar dari semasa ke semasa bagi memastikan tugas telah dilaksanakan dengan baik. Selain itu, rubrik analitik penilaian kandungan yang dibangunkan juga membolehkan penilaian dilakukan oleh rakan. Rajah-rajab berikut merupakan tangkap layar rubrik penilaian tugas refleksi bagi subjek Fiqh al-Jinayat:

KOLUM 2: REFLEKSI TOPIK PEMBELAJARAN (10 MARKAH)
Sila nilaiakan tugas di kolumn ini berdasarkan skala likert di bawah.
Bulatkan/highlightkan pada penilaian yang bersesuaian.

Aspek penilaian	1 Sangat rendah	2 Rendah	3 Sederhana	4 Tinggi	5 Sangat Tinggi
Pelajar melaksanakan refleksi bagi dua tajuk yang ditugaskan.	1	2	3	4	5
Refleksi yang dilakukan merangkumi kefahaman pelajar terhadap konsep yang dipelajari bagi tajuk tersebut.	1	2	3	4	5
Refleksi yang dilakukan merangkumi kefahaman pelajar bagaimana konsep yang dipelajari berkaitan dengan realiti semasa.	1	2	3	4	5
Refleksi yang dilakukan merangkumi cadangan solusi terhadap permasalahan dalam realiti semasa yang berkaitan.	1	2	3	4	5
Refleksi yang dilakukan merangkumi gambaran perasaan pelajar terhadap ilmu yang diketahui daripada pembelajaran tajuk tersebut.	1	2	3	4	5
Refleksi dilakukan dengan mendalam.	1	2	3	4	5
Cara pengiraan markah: (Jumlah markah bagi semua kolumn / 30) x 10 Contoh: [(5+4+3+3+4+5)/30] x 10 =[24/30] x 10 =8	[(4+4+5+5+4+3)] x 10 = 8/10				

Rajah 5: Tangkap Layar Penilaian Tugasan Refleksi Pembelajaran oleh Rakan Menggunakan Rubrik Analitik bagi Subjek Fiqh al-Jinayat

Bagi subjek dalam kajian ini, pelajar ditugaskan membuat penilaian terhadap tugasan pembentangan dan refleksi pembelajaran rakan mereka terutamanya bagi aspek persempahan dan penyampaian kandungan. Rubrik yang jelas membantu mereka membuat penilaian secara terpandu. Dalam rajah 5 di atas, penilaian tugasan refleksi pembelajaran dinilai oleh rakan pelajar. Rubrik penilaian dibangunkan berdasarkan kaedah penulisan refleksi oleh Graham Gibbs yang telah diberikan kepada pelajar sebagai panduan di awal semester. Pensyarah pula melakukan penilaian dari aspek ketepatan kandungan terutamanya bagi tugasan kajian kes. Pembahagian tugas penilaian antara rakan pelajar dan pensyarah digambarkan seperti dalam Rajah 6. Amalan ini merupakan satu pendekatan PBP kerana tugas penilaian tidak diserahkan kepada pensyarah semata-mata. Sebaliknya, pelajar terlibat secara aktif dalam menilai hasil kerja masing-masing. Melalui amalan penilaian kendiri dan sesama rakan, pelajar dilatih untuk membuat penilaian yang wajar terhadap kefahaman dan pencapaian mereka. Dalam masa yang sama, pendekatan ini dapat meningkatkan motivasi pelajar kerana mereka diberikan kuasa dalam proses pembelajaran (Saemah & Zamri, 2018).

PENERIMAAN PELAJAR TERHADAP TUGASAN E-PORTFOLIO

Maklum balas merupakan satu aspek yang penting bagi mengukur kesan dan keberkesanannya sesuatu inovasi. Bagi subjek-subjek dalam kajian ini, maklum balas dan penerimaan pelajar dikumpulkan daripada refleksi mereka terhadap topik pembelajaran dan pengalaman pembelajaran yang dimuatnaik dalam e-portfolio masing-masing. Data-data ini dianalisis secara tematik. Maklum balas pelajar yang dibentangkan dalam artikel ini adalah daripada refleksi unik sebahagian pelajar. Namun, ia boleh dirumuskan mewakili penerimaan pelajar-pelajar lain secara umum berdasarkan semakan data oleh penulis menggunakan beberapa teknik triangulasi.

Pertama, teknik triangulasi kaedah. Selain refleksi yang dimuatnaik dalam e-portfolio, dapatan mengenai penerimaan pelajar juga dikumpul melalui hasil pemerhatian penulis terhadap perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran, dan interaksi dengan pelajar berhubung isu-isu berbangkit sepanjang proses tersebut. Kedua, teknik triangulasi masa juga digunakan. Refleksi pelajar dikumpul secara konsisten sepanjang semester (14 minggu) melalui tugas-tugas yang diberikan. Rajah berikut merupakan tangkap layar senarai semak e-portfolio dan tugasan refleksi yang ditugaskan kepada pelajar bagi subjek Fiqh al-Jinayah:

MINGGU	KOLUM 1- MAKLUMAT DIRI	✓/X	KOLUM 2 - REFLEKSI TOPIK PEMBELAJARAN	✓/X	KOLUM 3 - REFLEKSI PENGALAMAN PEMBELAJARAN	✓/X	KOLUM 4- KAJIAN KES	✓/X
2	Gambar dan maklumat asas pelajar My learning style Test Result dan refleksi.		Refleksi pembelajaran Minggu 1 dan 2- Konsep jenayah dalam perundangan Islam dan unsur-unsur penting jenayah					
5			Catatan lima isi penting daripada video Arab				Kajian kes - Bentuk-bentuk perbuatan jahat	
7	Which study habits you can you improve Test dan Refleksi						Kajian kes- Pakatan jahat dalam jenayah	
9			Refleksi pembelajaran – Niat jahat dan kepentingannya/ kesan jahil/silap dan lupa terhadap tanggungjawab jenayah		Pengalaman pembelajaran menggunakan kaedah dalam subjek ini - Refleksi Pembelajaran			
12	What kind of student are you Test dan refleksi				Pengalaman melaksanakan tugasan berkumpulan dan refleksi		Kajian kes - Pengecualian daripada tanggungjawab jenayah	
13	PENILAIAN OLEH RAKAN					PENILAIAN PENSYARAH		
14	2 MARKAH		10 MARKAH		3 MARKAH		15 MARKAH	
					Pengalaman melakukan penilaian kendiri di minggu 14 dan refleksi			
					Pengalaman keseluruhan mengikuti kursus ini.			

Rajah 6: Senarai Semak Tugasan Refleksi bagi Pelajar Fiqh al-Jinayah

Daripada rajah di atas, tugasan refleksi dilakukan oleh pelajar secara berulang pada minggu-minggu berlainan seperti yang telah ditetapkan. Refleksi mereka juga dilakukan dalam konteks yang pelbagai iaitu seperti refleksi topik pembelajaran (kolumn 2) dan refleksi pengalaman pembelajaran (kolumn 3). Walaupun refleksi topik pembelajaran lebih tertumpu kepada kandungan pelajaran, pelajar tetap perlu menyatakan perasaan dan pengalaman mereka kerana tugasan ini menggunakan Graham Gibbs's *Reflective Cycle* sebagai panduan. Refleksi pengalaman pembelajaran yang dilakukan secara berulang di pertengahan semester dan di akhir semester juga dapat mengesahkan dapatan kajian berhubung penerimaan pelajar mengenai tugasan e-portfolio ini.

Ketiga, teknik triangulasi sumber dilakukan dengan membandingkan maklum balas dan dapatan kedua-dua pensyarah bagi subjek Fiqh al-Jinayat dan Fiqh al-Muamalat ini.

Daripada analisis yang dilakukan, penerimaan pelajar terhadap tugas E-Portfolio sebagai kaedah pembelajaran kendiri dan penilaian berpusatkan pelajar bagi subjek yang dikaji adalah positif. Ini dapat difahami daripada maklum balas-maklum balas yang diberikan oleh pelajar seperti berikut:

Jadual 3: Penerimaan Pelajar Terhadap Tugasan E-Portfolio Sebagai Kaedah Pembelajaran Kendiri

Aspek	Petikan daripada refleksi pelajar
Maklum balas tugasan e-portfolio berbanding tugasan kertas kerja berdasarkan amalan terdahulu	<p>Maklum balas 1: “Pada mulanya, ketika Dr. menyuruh membuat portfolio masing-masing, saya agak keberatan kerana tidak pernah mendengar malahan melakukan sedemikian rupa. Namun, saya amat seronok menggunakan Padlet ini untuk membuat e-portfolio kerana kita seolah-olah menjadi seorang ‘<i>logger</i>’ dan menulis segala refleksi kita tentang subjek ini, di samping Padlet ini sangat kondusif di mana kita dapat memuatkan segala tugas yang diberikan hanya menggunakan satu aplikasi tanpa menggunakan kertas.”</p> <p>Maklum balas 2: “Sejujurnya, saya amat menyukai kaedah penilaian sebegini berbanding penulisan kertas kerja. Mungkin juga sudah tiba masanya bagi subjek-subjek lain beralih kepada kepada platform dan kaedah sebegini yang membolehkan pelajar berkongsi dapanan mereka selain aktiviti penulisan ringkas dan santai mengikut ketetapan pensyarah berbanding satu kertas kerja yang ditulis panjang berjela, namun entah apa-apa fahaman pelajar daripadanya. Tidak dinafikan setiap perkara ada baik buruknya, tetapi sebagai pelajar, saya amat menghargai usaha Dr. bagi subjek ini.”</p>
Kesan tugasan e-portfolio terhadap kefahaman pelajar terhadap pelajaran	<p>Maklum balas 3: “Saya boleh menulis tanpa segan silu. Sesungguhnya ianya amat bagus untuk seorang pelajar mencurahkan kefahaman semula. Hal ini dibuktikan apabila saya perlu mengulangkaji pelajaran semula untuk dibuat catatan dalam tempoh kurang 24 jam. Ahli saintis ada menyuarakan pandangan bahawa otak manusia akan kurang daya ingatannya jika ianya tidak membaca semula dalam kadar 24 jam. Sekian coretan saya.”</p> <p>Maklum balas 4: “Saya amat menggemari kaedah pengajaran yang digunakan oleh Dr. kerana mengikut peredaran zaman dari cara pembahagian kelas tutorial mengikut kaedah belajar pelajar, penggunaan Padlet untuk membuat refleksi dan rakaman <i>slide</i> beserta audio untuk kuliah. Bagi saya, penggunaan kaedah-kaedah ini amat membantu proses pembelajaran menjadi lebih efektif terutama ketika pembelajaran atas talian ini”.</p> <p>Maklum balas 5: “Sejujurnya kaedah pembelajaran menggunakan Padlet amat menyeronokkan dan menarik malah amat berkesan dalam membantu proses pembelajaran saya. Sekalung penghargaan saya berikan kepada Dr., pensyarah saya, beliau banyak membantu pelajar dengan pelbagai cara salah satunya Padlet yang diperkenalkan untuk memudahkan pelajarnya supaya tidak ketinggalan dan lupa tentang pelajaran yang dipelajari.”</p>
Kesan tugasan e-portfolio terhadap minat terhadap subjek	<p>Maklum balas 6: “Setelah satu semester mempelajari subjek ini, semakin hari saya jatuh cinta dengan kandungan dan dapatan yang saya peroleh dari subjek ini.”</p> <p>Maklum balas 7: “Padlet ini bukan sahaja memudahkan pelajar untuk membuat tugas malahan dapat menarik minat pelajar kerana kita dapat mengolah Padlet kita sendiri mengikut kemahiran kita. Sebagai contoh, kita dapat memilih <i>wallpaper</i>, warna, susunan dan sebagainya. Hal ini membuatkan saya membuka Padlet ini setiap hari dan boleh dikatakan hampir setiap masa.”</p>
Kesan tugasan e-portfolio terhadap kemahiran pelajar menggunakan teknologi	<p>Maklum balas 8: “Saya dapat mempelajari cara terbaru untuk belajar iaitu dengan menggunakan Padlet. Sejujurnya penyesuaian diri saya dengan teknik pembelajaran terbaru ini agak sukar, namun oleh kerana setiap arahan pensyarah jelas disampaikan sama ada melalui SPECTRUM, Whatsapp atau Microsoft Teams sangat membantu saya.”</p> <p>Maklum balas 9: “Saya sendiri berasa kekok apabila pertama kali cuba mempelajari cara menggunakan aplikasi-aplikasi maya ini seperti Padlet, Microsoft Team, Google Meet dan</p>

banyak lagi. Tetapi jika dilihat dari sudut yang positif, kekangan dan cabaran ini mendorong kita untuk sentiasa kreatif bagi meneruskan dan melaksanakan sesi pembelajaran serta menambahkan lagi ‘*added value*’ atau kemahiran baru kepada diri saya.”

Maklum balas 10: “Kaedah pembelajaran yang digunakan dalam subjek ini sangat menarik kerana medium pembelajaran seperti Padlet dan Microsoft Teams ini mudah diakses oleh saya. Saya juga teruja kerana pertama kali menggunakan kaedah pembelajaran seperti Padlet yang dapat mengasah “*soft skill*” saya dalam menggunakan teknologi.”

Jadual 4: Penerimaan Pelajar Terhadap Kaedah Penilaian Berpusatkan Pelajar Bagi Tugasan E-Portfolio

Aspek	Petikan daripada refleksi pelajar
Penggunaan senarai semak dan rubrik bagi tugas e-portfolio	<p>Maklum balas 11: “Di samping memberikan penugasan, pensyarah juga menyediakan senarai semak portfolio untuk memudahkan pelajar melihat gambaran jelas tajuk-tajuk penulisan refleksi sepanjang sesi pembelajaran”</p> <p>Maklum balas 12: “Pengalaman pembelajaran saya dalam subjek Fiqh al-Jinayah adalah sangat kemas, teratur dan sistematik. Kaedah teratur yang digunakan oleh pensyarah memudahkan saya memahami segala maklumat yang ingin disampaikan oleh pensyarah”</p>
Maklum balas berkenaan penilaian kendiri bagi tugas e-portfolio	<p>Maklum balas 13: “Saya berasa amat seronok melakukan penilaian kendiri pada minggu ke 14 kerana saya dapat mengetahui cara Dr. memberi markah terhadap Padlet saya dan saya rasa ini aktiviti yang sangat baik kerana dapat memberi pendedahan kepada pelajar dan pelajar dapat menjangkakan markah yang mungkin mereka akan dapat dan melalui aktiviti yang telus ini pelajar akan berpuas hati akan markah yang bakal mereka perolehi.”</p> <p>Maklum balas 14: “Semasa melakukan penilaian kendiri dan menyiapkan tugasan Padlet ini, saya dapati banyak kebaikan yang saya perolehi dalam memperbaiki kelemahan saya tentang subjek ini. Padlet ini banyak membantu saya untuk mengulangkaji pelajaran topik-topik yang saya kurang mahir ataupun lupa sekali gus saya dapat “<i>go through</i>” topik-topik sekali lalu dengan cepat.”</p>
Penilaian oleh rakan	<p>Maklum balas 15: “Saya diberi kesempatan menyemak portfolio milik rakan yang lain. Saya dapat belajar bagaimana cara mereka mengurus dapatan pelajaran, menulis refleksi dan gaya pembelajaran mereka. Saya percaya setiap daripada kami masih boleh memperbaiki apa yang kami lakukan pada masa hadapan. Subjek ini telah banyak mengajar saya untuk mengenali diri saya sendiri dan hal ini tidaklah dapat saya banding bezakan dengan kemajuan rakan-rakan saya yang lain. Saya yakin masing-masing telah berusaha sebaik baik bagi menyiapkan tugasan dengan sempurna.”</p>

Berdasarkan testimoni dan maklum balas di atas, kebanyakan pelajar bersikap positif terhadap penggunaan e-portfolio sebagai salah satu tugas pembelajaran. Penggunaan e-portfolio yang merangkumi refleksi, penilaian rakan sebaya dan penilaian kendiri telah memberi peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Ini selaras dengan asas pembelajaran berpusatkan pelajar yang memberi penekanan kepada penglibatan pelajar berbanding kaedah kuliah semata-mata. Di samping itu juga, kaedah PBP melalui e-portfolio memberi peluang kepada pelajar untuk saling berkomunikasi antara pensyarah dan pelajar, pelajar dengan pelajar dan seterusnya menyebabkan berlakunya pembelajaran dua hala (Alizah & Zamri, 2019).

Penilaian rakan sebaya mendedahkan pelajar kepada pengetahuan yang berbeza walaupun ilmu itu disampaikan oleh pensyarah yang sama (Ertmer et al., 2007; Toor, 2020). Hal ini kerana refleksi yang ditulis adalah berdasarkan kepada pemahaman dan pandangan pelajar terhadap sesuatu topik yang mungkin berbeza daripada pemahaman pelajar yang menilai. Justeru itu, pendekatan PBP menggalakkan kolaborasi kerana persekitaran yang dibentuk merupakan komuniti pelajar. Hal ini berasaskan teori bahawa setiap pelajar sebenarnya turut belajar daripada orang lain selain pensyarah. Pensyarah juga belajar daripada pelajar dalam usaha melaksanakan pengajaran yang bersifat individu dan kolektif (Brandes & Ginnis, 1986).

Galakan komunikasi dua hala dalam PBP menghasilkan kesan positif yang lain seperti memberi peluang pelajar berkongsi idea, pandangan dan maklumat bersama pensyarah dan rakan sebaya yang lain secara bebas. Selain kemahiran komunikasi dapat

dingkatkan, pelajar juga dapat meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam menyiapkan tugas kerana setiap refleksi dan tugas yang diberi perlu dikumpulkan dan dipaparkan dalam satu aplikasi sahaja untuk memudahkan pelajar, rakan sebaya dan pensyarah memantau perkembangan aktiviti pembelajaran.

KESIMPULAN

E-portfolio merupakan satu bentuk tugas yang boleh diberikan kepada pelajar dalam ses sebuah proses pembelajaran. Tugas ini menepati pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) kerana melibatkan pelajar secara aktif dalam proses mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Oleh kerana itu, ia sangat sesuai digunakan ketika pembelajaran berlangsung secara maya iaitu apabila pelajar dan pengajar tidak dapat bersemuka seperti yang berlaku ketika pandemik Covid-19. Proses pembelajaran melalui e-portfolio tidak terhad semasa proses penyediaannya sahaja. Pelajar juga banyak belajar ketika proses penilaian tugas berlangsung melalui penilaian kendiri (*self-assessment*) dan penilaian rakan sebaya (*peer-assessment*). Justeru, kelebihannya telah banyak dilaporkan dalam literatur terdahulu. Penyelidikan tindakan yang dilakukan dalam kajian ini juga menyokong teori dan dapatan literatur-literatur tersebut.

Berdasarkan maklum balas pelajar yang mengikuti subjek Fiqh al-Jinayat dan Fiqh al-Muamalat di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, tugas e-portfolio telah memberikan kesan positif terhadap proses pembelajaran dan kefahaman mereka. Selain itu, minat pelajar terhadap pelajaran juga meningkat selain kemahiran menggunakan teknologi. Atas dasar itu, disarankan agar pelaksanaan e-portfolio diperluaskan di institusi pengajian tinggi dengan penyesuaian sewajarnya berdasarkan matlamat dan keperluan subjek-subjek yang ditawarkan. Transformasi bentuk portfolio dalam bentuk elektronik dan digital membolehkan pelaksanaannya berlangsung dengan lebih baik termasuk dalam mod pembelajaran teradun dan juga secara hibrid di masa hadapan. Akhirnya, dapatan kajian ini diharap dapat menggalakkan para pengajar untuk sentiasa meneroka pelbagai kaedah baru yang berkesan demi manfaat para pelajar.

Research and Publication Ethics Statement

This research involves data collected in the teaching and learning process for the subjects handled by the authors. Feedback provided by students is voluntary and accessible by lecturers and all students through their e-portfolios. Students were also informed that their feedback would be used as study material. Therefore, this article adheres to the research and publication ethics set by the JIER Journal.

Contribution Rates of Authors to the Articles

Both authors contributed fairly to data collection, data analysis, and article writing. The first author is the lecturer for Fiqh al-Jinayat, and the second author is the lecturer for Fiqh al-Muamalat for the Bachelor of Syariah programme at the Academy of Islamic Studies, University of Malaya.

Conflict of Interest

The authors declare that they have no conflict of interest.

References

- Alex Koohang, Johannes Britz & Tom Seymour (2006). Panel Discussion Hybrid/Blended Learning: Advantages, Challenges, Design, and Future Directions. In *Proceedings of the 2006 Informing Science and IT Education Joint Conference*, <http://proceedings.informingscience.org/InSITE2006/ProcKoo121.pdf>, dicapai pada 22/9/2021.
- Aliza Adnan & Rosseni Din (2020). *Pembelajaran Teradun: Impak dan Sumbangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamod (2019). *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar*. Bagi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ambrose S.A., Bridges, M.W., DiPietro M., Lovett, M.C., Norman, M. K. & Mayer, R.E. (2010). *How Learning Works: Seven Research-Based Principles for Smart Teaching*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Ang Chooi Kean, Mohamed Amin Embi, Melor Md Yunus & Norzaini Azman (2019). *E-Portfolio and Teachers' Continuing Professional Development*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Brandes, D. & Ginnis, P. (1986). *A Guide to Student Centred Learning*. Oxford: Blackwell.
- Campbell, C., & Tran, T.L.N. (2021). Using an Implementation Trial of an ePortfolio System to Promote Student Learning through Self-Reflection: Leveraging the Success. *Edu. Sci.* 11(263), 1-13.
- Chang, B. (2019). Reflection in Learning. *Online Learning* 23(1), 95-110.
- Emma Pass (2021). *The Hybrid Teacher Using Technology to Teach in Person and Online*. New Jersey: Jossey-Bass.
- Ertmer, P.A., Richardson, J.C., Belland, B., Camin, D., Connolly, P., Coulthard, G., & Mong, C. (2007). Using Peer Feedback to Enhance the Quality of Student Online Postings: an Exploratory Study. *Journal of Computer Mediated Communication*, 12(2), 412-433.

- Frank Di Silvestro & Hamid Nadir (2020). The Power of ePortfolio Development to Foster Reflective and Deeper Learning in an Online Graduate Adult Education Program. *Adult Learning* 32(1), 1-11.
- Greenberg, G. (2004). The Digital Convergence: Extending the Portfolio Model. *EDUCAUSE Review* 39(4), 28–37.
- Hallam, Gillian C. & Creagh, Tracy (2010) ePortfolio use by University Students in Australia: A Review of the Australian ePortfolio Project. *Higher Education Research and Development*, 29(2), 179-193.
- Helyer, R. (2015). Learning through reflection: The critical role of reflection in work-based learning (WBL). *Journal of Work-Applied Management* 7(1), 15-27.
- Helyer, R., & Kay, J. (2015). Building Capabilities for your Future. Dalam Helyer, R. (Ed.), *The Workbased Learning Student Handbook*. London: Palgrave.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, <https://prpm.dbp.gov.my/cari?keyword=portfolio>, dicapai pada 24/9/2021.
- Kim, Jinsook (2019). Effects of Rubric-Referenced Self-Assessment Training on Korean High School Students' English Writing. *English Teaching* 17 (3), 79-111.
- Linda B. Nilson & Ludwika A. Goodson (2021). *Online Teaching at Its Best Merging Instructional Design with Teaching and Learning Research* (2nd ed). New Jersey: Jossey-Bass.
- M. M. Van Wyk (2017). An E-Portfolio as Empowering Tool To Enhance Students' Self-Directed Learning in a Teacher Education Course: A Case Of A South African University. *South African Journal of Higher Education* 31(3), 274-291.
- Mark Treve (2021). What COVID-19 has Introduced into Education: Challenges Facing Higher Education Institutions (HEIs). *Higher Education Pedagogies* 6 (1), 212–227.
- Mohd Bekri Rahim, Ruhizan Mohammad Yasin & Norazah Mohd Nordin (2018). *E-Portfolio Sijil Kemahiran Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Natasya Abdullah & Suhaila Sanip (2020). Pandemik Covid-19 dan Kesannya terhadap Pengajaran dan Pembelajaran di Fakulti Perubatan, Universiti Awam Malaysia. Dalam Hatta Sidi, Abdul Hadi Azman dan Razinah Sharif (Ed). *Teori dan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Menyusuri Pandemik Covid-19*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara, <https://www.yumpu.com/id/document/read/8893327/muat-turun-pelan-strategik-pengajaran-tinggi-negara-kementerian->, dicapai pada 23/9/2021.
- Peter Slepcevic-Zach and Michaela Stock (2018). ePortfolio as a Tool for Reflection and Self-reflection. *Reflective Practice* 19(3), 291 – 307, <https://doi.org/10.1080/14623943.2018.1437399>.
- S.R.H. Abd Wahab, A.I. Che-Ani, S. Johar, K. Ismail, & M.Z. Abd Razak (2016). EPortfolio: a Descriptive Survey for Contents and Challenges. *International Journal of Emerging Technologies in Learning* 11 (1), 4-10.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamad (2018). *Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran: Mengoptimalkan Pembelajaran Pelajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sashi Kala Krishnan (2018). Keberkesanan Pembelajaran Teradun Terhadap Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri dan Pencapaian Murid dalam Subjek Ekonomi Asas. Tesis Kedoktoran Universiti Sains Malaysia, <http://eprints.usm.my/47947/1/SASHI%20KALA%20KRISHNAN%20-%20KEBERKESANAN%20PEMBELAJARAN%20TERADUN.pdf>, dicapai pada 23/9/2021.
- Seçil Tümen Akyıldız (2019). Do 21st Century Teachers Know about Heutagogy or Do They Still Adhere to Traditional Pedagogy and Andragogy? *International Journal of Progressive Education*. 15 (6), 151-169.
- Segaran M. K. & Hasim Z. (2021). Self-regulated Learning through ePortfolio: A Meta-analysis. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 18(1), 131-156.
- Shahfiezul Shahaimi & Khalid, F. (2016). Pengintegrasian Blended Learning dalam Pembelajaran Maya Frog (Vlefrog). Dalam Nabilah Othman, Chiang Wei Luan & Nurul Syaida Md Zuki.(Editor), *Pendidikan Abad ke-21: Peranan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Cabarannya*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Sissel Eikaland Husebø, Stephanie O'Regan & Debra Nestel. (2015). Reflective Practice and Its Role in Simulation. *Clinical Simulation in Nursing* 11, 368-375.
- Thomas, G., Martin, D., & Pleasants, K. (2011). Using self- and Peer-assessment to Enhance Students' Future-learning in Higher Education. *Journal of University Teaching & Learning Practice* 8(1), 52-69. <https://doi.org/10.14453/jutlp.v8i1.5>
- Toor, R. (2020, Jun 23). Turns out you can build community in a zoom classroom. *Chronicle of Higher Education*. Dicapai daripada <https://www.chronicle.com/article/In-Their-Own-Words-Here-s/> 248989